



1103/2
Bahasa
Melayu
Kertas 2
Ogos 2016
2 ½ jam

PEPERIKSAAN PERCUBAAN TAHUN 2016

BAHASA MELAYU

Kertas 2

PERATURAN PEMARKAHAN

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

AMARAN

Peraturan pemarkahan ini **SULIT** dan kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa-apa juga bentuk penulisan dan percetakan

Markah penuh : 110 markah

Soalan 1

Markah penuh 30 dibahagi kepada :

- a) Isi - **20 markah**
b) Bahasa - **10 markah**

a) **Isi** [20 markah]

Nota :Panduan mengira perkataan :

Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan :

- nama khas
- perkataan berulang
- penggunaan kata sendi di dan ke
- tarikh
- angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
- gelaran

- ii. Kira dan **tandakan** jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja sebelum diperiksa.
iii. Periksa jawapan calon setakat 120 patah perkataan sahaja. Yang selebihnya **tidak perlu diperiksa**.
iv. Berikan markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.

Bahagian	Markah									Markah
(i) Pendahuluan										2
(ii) Isi Tersurat	4	5	6	7	8	9	10	11	12	16
(iii) Isi Tersirat	12	11	10	9	8	7	6	5	4	
(iv) Penutup / Kesimpulan										2
Jumlah Markah										20

b) **Bahasa** [10 markah]

Asas pemberian markah bahasa tertakluk kepada markah isi seperti yang dinyatakan dalam jadual berikut :

Peringkat	Markah Isi	Markah Bahasa	Huraian
Baik	18 - 20 15 - 17	9 - 10 7 - 9	<ul style="list-style-type: none"> - Kesinambungan isi baik - Struktur ayat/tatabahasa baik - Kosa kata luas - Tanda baca/ejaan betul
Sederhana	12 - 14 8 - 11	6 - 7 4 - 6	<ul style="list-style-type: none"> - Kesinambungan isi masih baik - Struktur ayat/tatabahasa masih memuaskan - Kosa kata masih memuaskan - Tanda baca/ejaan juga memuaskan
Lemah	1 - 7	1 - 4	<ul style="list-style-type: none"> - Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan/tidak memuaskan.

Nota :

- i. Jika bahasanya agak baik, **tambah 1 markah** lagi.
- ii. Jika bahasanya kurang memuaskan, **tolak 1 markah**.
- iii. Jika **disalin bulat-bulat** perkataan demi perkataan, ayat demi ayat, walaupun jumlah perkataan kurang daripada 120 patah perkataan, berikan **0 markah**.
- iv. Jika rumusan **kurang daripada 120** patah perkataan, **markah tidak dipotong**.

[Markah bahasa **maksimum : 10** markah]

Pendahuluan :	Markah
1. Petikan membincangkan kebaikan/ kelebihan/ manfaat menderma darah dalam kalangan masyarakat.	2
2. Petikan membincangkan kebaikan/ kelebihan/ manfaat menderma darah dan beberapa punca Kempen Derma Darah tidak mendapat sambutan.	2
3. Rumusan membincangkan kебиakan/ kelebihan/ manfaat menderma darah dan langkah-langkah menggalakkan orang ramai menderma darah.	2

Bil.	Isi Tersurat : Faedah menderma darah :	Markah
S1	Penderma dapat melahirkan satu perasaan yang sangat menggembirakan apabila berjaya menolong doktor menyelamatkan nyawa orang lain.	2
S2	Mengurangkan risiko kanser	2
S3	Dapat mengurangkan zat besi yang berlebihan di dalam badan	2
S4	Dapat menghindari risiko sakit jantung	2
S5	Membantu mereka mengdiagnosis sebarang penyakit pada peringkat awal.	2
S6	Penderma akan menerima dan mengetahui analisis darah serta jenis darah secara percuma.	2
S7	Membantu seseorang dalam proses untuk mengurangkan berat badan	2
S8	Membolehkan penderma untuk mengisi semula bekalan darah	2
S9	Membantu badan penderma berfungsi dengan lebih cekap dan dapat bekerja secara produktif	2

Bil.	Isi Tersirat : Langkah-langkah menggalakkan orang ramai menderma darah	Markah
T1	Mendidik pelajar sejak di bangku sekolah tentang kepentingan derma darah	2
T2	Agensi kerajaan mempromosi secara bersepada Kempen Derma Darah kepada orang ramai	2
T3	Galakan ahli keluarga/ ibu bapa penting untuk menderma darah	2
T4	Penglibatan agensi swasta dalam kempen derma darah seperti sumbangan wang, perkhidmatan atau khidmat nasihat, pek cenderemata.	2
T5	Sumbangan para artis untuk mempromosi kempen derma darah	2

Kesimpulan :	Markah
Kesimpulannya, amalan mennderma darah perlu digalakkan dalam kalangan orang ramai supaya kita dapat membantu pesakit yang memerlukan darah.	2

Soalan 2 : Pemahaman

Markah penuh **35** markah dibahagikan kepada:

Soalan 2(a) : **9** markah

Soalan 2(b) : **9** markah

Soalan 2(c) : **8** markah

Soalan 2(d) : **9** markah

Perhatian bagi soalan 2(a) hingga Soalan (2d)

1. Jawapan hendaklah menggunakan ayat sendiri.
2. Jawapan hendaklah dalam ayat yang lengkap/sempurna.
3. Jika disalin bulat-bulat daripada teks dan jawapan itu betul, berikan separuh (50%) daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

Panduan Pemarkahan Soalan Pemahaman

1. Soalan 2 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
- Jawapan tepat mengikut konteks/isi cukup dan ayat gramatis	2
- Jawapan kurang tepat/isi tidak cukup	1
- Jawapan tidak tepat/ salah	0

2. Soalan 3 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup dan lengkap/relevant dengan tugasan dan ayat gramatis	3
- Isi cukup dan lengkap/relevant tetapi ayat kurang gramatis	2
- Isi tidak cukup/kurang lengkap tetapi ayat gramatis	1
- Isi kurang lengkap dan ayat kurang gramatis	1
- Isi tidak betul/tidak relevan dengan tugasan tetapi ayat gramatis	0

3. Soalan 4 markah

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup dan lengkap/relevant dengan tugasan dan ayat gramatis	4
- Isi cukup dan lengkap/relevant tetapi ayat kurang gramatis	3
- Isi tidak cukup/kurang lengkap tetapi ayat masih gramatis	2
- Isi kurang lengkap/kurang relevan dan ayat kurang gramatis	1
- Isi tidak betul/tidak relevan dengan tugasan tetapi ayat gramatis	0

Soalan 2(a) – Petikan Umum

- (i) Maksud rangkai kata secara konsisten ialah :
dengan tetap / dengan tekal (2 markah)
- (ii) Punca-punca Kempen derma darah tidak dapat sambutan (Maksimum 2 isi)
- | | | |
|----|--|----------|
| P1 | Kurang kesedaran mengenai kepentingan menderma darah | 1 markah |
| P2 | Kurang maklumat tentang derma darah | 1 markah |
| P3 | Sambutan Hari Derma Darah tidak diuar-uarkan | 1 markah |
- (iii) Peranan media massa : Maksimum 3 isi (Lihat hukum 4 markah)
- | | | |
|----|---|----------|
| P1 | Membantu agensi kerajaan mempromosikan kempen derma darah melalui iklan-iklan | 1 markah |
| P2 | Menyiarkan artikel-artikel tentang kebaikan menderma darah | 1 markah |
| P3 | Menganjurkan program derma darah di tempat-tempat awam | 1 markah |
| P4 | Menaja program derma darah/ sumbangan kewangan/ cenderahati kepada penderma | 1 markah |

Soalan 2 (b) – Cerpen

- (i) **Kesan sistem pecah dan perintah : Maksimum 2 isi**
- | | | |
|----|---|----------|
| P1 | Bernanahlah prasangka buruk | 1 markah |
| P2 | Tragedi sengketa / rusuhan kaum antara warga kota | 1 markah |
| P3 | Mencetuskan huru-hara kepada negara | 1 markah |
- (ii) **Langkah-langkah mengelakkan sejah hitam berulang (maksimum 2 isi)**
- | | | |
|----|---|----------|
| P1 | Dasar / sistem pendidikan yang sama bagi semua kaum | 1 markah |
| P2 | Merapatkan jurang ekonomi antara kaum | 1 markah |
| P3 | Pemimpin jangan memainkan fahaman politik | 1 markah |
| P4 | Peranan media meuar-uarkan kepentingan perpaduan | 1 markah |
| P5 | Mana-mana isi yang sesuai boleh diterima | 1 markah |

(iii) **Satu persoalan dalam petikan (1 + 1)**

Pernyataan	Kesan penjajahan kepada tanah air/ negara	1 markah
Huraian	Sistem pecah dan perintah menyebabkan perbezaan fahaman, bahasa dan budaya atau	1 markah

Satu persoalan dalam cerpen keseluruh (1 + 1)

P1	Pernyataan	Pesanan ibu terhadap anak	1 markah
	Huraian	Bonda berpesan kepada anaknya agar mempunyai pegangan agama dan memartabatkan bahasa Melayu jika ke bandar	1 markah
P2	Pernyataan	Taat kepada ibu	1 markah
	Huraian	Mel sanggup menundakan impiannya ke Bandar setelah dinasihati oleh bondanya	1 markah
P3	Pernyataan	Pentingan pegangan agama dan bahasa ibunda	1 markah
	Huraian	Kedua-duanya merupakan maruah bangsa dan agama	1 markah

Soalan 2(c) – Prosa tradisional

(i) Maksud *dewal orang berzikir*

- Orang berdoa/ berzikir sekeliling kota

[Maksimum 2 markah]

(ii) Tindakan Sidi Arab : (Maksimum isi = 2)

- Berdiri di hadapan baginda (Sultan Muzaffar Syah)
- Dihalanya panahnya ke benua Siam
- Menarik panahnya sambil menyeru agar Cau Pandan mati

[Maksimum 3 markah]

(iii) Sekiranya saya Sultan Muzaffar Syah, tindakan yang diambil untuk membala jasa Sidi Arab yang telah membunuh Cau Pandan : (Maksimum 2 isi)

- Memberi hadiah/ sepersalinan pakaian
- Memberi gelaran/ anugerah

- Melantik sebagai pembesar istana/ memberi jawatan
- Mengahwinkannya dengan puteri atau kerabat di raja

[Maksimum 3 markah]

Soalan 2(d) – Puisi Tradisional

- (i) Maksud apabila perut terlalu penuh, keluarlah fiil yang tiada senonoh ialah:
- Jika terlalu kenyang (1 m)
 - Bermacam-macam perkara tak elok timbul (1 m)
- [maksimum 2 markah]
- (ii) Tindakan-tindakan untuk mengelakkan diri daripada melakukan perkara-perkara negatif: (maksimum 2 isi)
- Mempelajari/ menuntut ilmu terutamanya ilmu agama
 - Bercampur gaul dengan orang/ rakan yang baik
 - Melakukan aktiviti yang berfaedah pada waktu lapang
 - Mana-mana isi yang sesuai boleh diterima
- [maksimum 3 markah]
- (iii) Dua pengajaran (maksimum 2 isi)
- Kita hendaklah menjaga teliga kita daripada mendengar perkara-perkara yang tidak elok supaya tidak terpengaruh dengan perkara tersebut. (1 + 1)
 - Kita hendaklah menjaga lidah/percakapan kita supaya mendapat kebaikan (1 + 1)
 - Jangan makan terlalu kenyang agar tidak timbul perkara-perkara yang tidak senonoh. (1 + 1)

[markah maksimum 4)

Soalan 3: Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa
Markah penuh 30 markah dibahagikan kepada:

- Soalan 3(a) : **6** markah
Soalan 3(b) : **6** markah
Soalan 3(c) : **6** markah
Soalan 3(d) : **6** markah
Soalan 3(e) : **6** markah

Perhatian bagi soalan 3(a)

1. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul.
2. Tolak $\frac{1}{2}$ markah bagi kesalahan ejaan/ jalan bahasa/ tanda baca daripada keseluruhan soalan.
3. Perkataan berkenaan digunakan sebagai peribahasa, berikan 0 markah.
4. Perkataan digunakan sebagai nama khas, berikan 0 markah.
5. Sengaja menambah atau menukar imbuhan, berikan 0 markah
6. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih tolak $\frac{1}{2}$ markah bagi setiap ayat.
7. Ayat kedua yang dibina sama seperti ayat pertama, berikan 0 markah pada ayat itu
7. Jika semua perkataan digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat.
8. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda bacanya.
9. Isi tidak jelas, tolak $\frac{1}{2}$ markah

3 (a) Membina Ayat

- (i) telur putih ialah telur yang berwarna putih iaitu telur itik.
- (ii) Putih telur ialah cecair puith di dalam telur
- (iii) Susu lembu ialah susu yang dihasilkan oleh lembu
- (iv) Lembu susu ialah lembu khas yang diternak mengeluarkan susu
- (v) Jambu merah ialah buah jambu yang berwarna merah
- (vi) Merah jambu ialah warna merah seperti buah jambu

3 (b) Ayat tanya berdasarkan rangkai kata yang berhuruf condong

i	Bilakah ibu ke pasar ? atau Ibu ke pasar bila ?
ii.	Siapakah pengetua sekolah itu ? atau Pengetua sekolah itu siapa ?
iii.	Mengapakah pelajar itu berjaya dengan cemerlang ? Apakah sebab pelajar itu berjaya dengan cemerlang ?
iv.	Di manakah Pertandingan Akhir Bahas Ala Parlimen Bahasa Melayu diadakan ? atau Pertandingan Akhir Bahas Ala Parlimen Bahasa Melayu diadakan di mana ?
v.	Bagaimanakah pasukan itu berjaya menjadi juara bola sepak ?

vi.	Berapakah biji/ berapa bijikah telur digunakan untuk membuat kek itu ?
-----	--

3 (c) Kesalahan ejaan dan imbuhan

SALAH	BETUL
Kesalahan ejaan	
motorsikal	motosikal
jenerasi	generasi
dikenalpasti	Di kenal pasti
Kesalahan imbuhan	
kebimbangan	membimbangkan
cemerlangan	kecemerlangan
pendidikan	pendidikan

3 (d) Kesalahan kata atau istilah dan kesalahan bahasa

SALAH	BETUL
Kesalahan tatabahasa	
berapa	beberapa
Semua orang ramai	Orang ramai
Saling hormat-menghormati	Saling menghormati / hormat-menghormati
Kesalahan istilah	
Uji pandu	Pandu uji
pembiakan	penularan
prasyarat	prasangka

3 (e) Peribahasa

Hangat-hangat tahi ayam	Sikap hangat-hangat tahi ayam dalam kalangan usahawan muda menyebabkan mereka tidak dapat bertahan lama.
Bagai ikan pulang ke lubuk	Kepulangan abang ke kampung pada kali ini bagai ikan pulang ke lubuk kerana dia enggan merantau ke ibu kota lagi.
Bagaimana acuan begitulah kuihnya	Adila mempunyai kebolehan memasak seperti inunya kerana bagaimana acuan begitulah kuihnya.

Soalan 4

Markah penuh 15 markah

Panduan pemarkahan bagi Soalan 4

- (a) i) Jawapan berdasarkan sebuah novel yang dipelajari
ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap
iii) Beri 1 markah bagi setiap pernyataan cabaran yang lengkap / jelas
iv) Beri 1 markah bagi contoh peristiwa yang lengkap / jelas
v) Markah isi maksimum 4 markah
vi) Markah bahasa maksimum 3 markah
vii) Markah bahasa diberi secara *impression*
 Baik : 3 markah
 Sederhana : 2 markah
 Lemah : 1 markah
viii) Jika calon menjawab dan markah isi 0, beri 1 markah untuk bahasa.
ix) Calon tidak menjawab 0 markah

[Maksimum : 7 markah]

- (b) i) Jawapan berdasarkan dua buah novel yang dipelajari
ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap
iii) Beri 1 markah bagi setiap pernyataan yang lengkap
iv) Beri 2 markah untuk setiap huraihan / contoh yang lengkap / jelas
v) Beri 1 markah untuk huraihan / contoh yang kurang lengkap
vi) Markah isi maksimum 6 markah (maksimum 3 markah bagi setiap novel)
vii) Markah bahasa maksimum 2 markah
viii) Markah bahasa diberi secara *impression*
 Baik : 2 markah
 Sederhana : 1 markah
ix) Jika calon menjawab dan markah isi 0 beri 1 markah untuk bahasa
x) Jika calon tidak menjawab 0 markah

[Maksimum : 8 markah]

4(a) Latar masyarakat

Pantai Kasih karya Azmah Nordin	<p>Masyarakat yang tabah menghadapi cabaran dalam kehidupan Contoh : Doktor Raiha tabah dengan sikap suaminya yang tidak bertanggungjawab, tidak berperikemanusian dengan sanggup meneruskan kandungannya walaupun dipaksa gugur oleh Dr. Dr. Sadiz</p> <p>Masyarakat yang prihatin terhadap orang lain Contoh : Dr, Raiha prihatin terhadap kesengsaraan yang dihadapi oleh Unung Siron yang terpaksa menjalani pembedahan tulang pinggul kali ke-6.</p> <p>Masyarakat yang penyayang Dr. Raiha amat menyayangi anaknya, walaupun anaknya cacat, sindrom down.</p> <p>Masyarakat yang tidak yakin pada diri sendiri. Contoh : Felicia Londosi tidak mahu menjadi saksi bagi kes Dr. Raiyah kerana dia tidak yakin pada diri sendiri.</p> <p>Masyarakat yang mementingkan diri sendiri Contoh : Dr. Sadiz dan Dr. Uwang mementingkan diri sendiri dan tidak memikirkan perasaan Raiyah.</p>
Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop	<p>Masyarakat yang cinta akan alam sekitar Contoh : Nurul Hafsa dan Muhammad Taufiq beruasa menjadikan Kuala Selangor sebagai Kawasan Simpan Langit Gelap untuk pembiakan kelip-kelip dan pencerapan bintang.</p> <p>Masyarakat yang penyayang Contoh : Puan Wickham sanggup meninggalkan rombongannya untuk bermalam di rumah anaknya, Muhammad Taufik dan sempat memasakkan lauk untuk anaknya itu.</p> <p>Masyarakat yang bekerjasama untuk menjayakan sesuatu projek. Contoh : Nurul Hafsa dan Muhammad Taufik serta Budiman bekerjasama untuk menjadikan Kuala Selangor sebagai Kawasan Simpan Langit Gelap.</p> <p>Masyarakat yang pendendam Contoh : Johann Arlington Majid sanggup menculik Nurul Hafsa dan Muhammad Taufik kerana berdendam dengan Tan Sri Muhamimin yang berjaya berkahwin dengan Pn. Wickham yang dicintainya.</p>

4 (b) Tema

Pantai Kasih karya Azmah Nordin	Ketabahan seorang wanita dalam menghadapi cabaran dalam kehidupan	1 markah
	Dr. Raiha tabah meneruskan kehidupannya walaupun perkahwinannya tidak direstui oleh bapa. Dia juga tabah menghadapi sikap suaminya, Dr. Sadiz yang panas baran dan tidak berperikemanusiaan. Walaupun dipaksa oleh suaminya supaya menggugurkan kandungan, dia tetap meneruskan kandungannya.	2 markah
Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop	Semangat cinta akan alam sekitar	1 markah
	Nurul Hafsa dan Muhammad Taufik bekerjasama untuk menjadikan Kuala Selangor sebagai Kawasan Simpan Langit Gelap untuk tujuan pencerapan bintang dan pembiakan kelip-kelip. Mereka menghadapi pelbagai cabaran dalam merealisasikan rancangan tersebut. Berkat kegigihan dan ketabahan, akhirnya mereka berjaya.	2 markah

Panduan Pemarkahan Tamat